



DEPARTMENT OF BUILDING SURVEYING
FACULTY OF ARCHITECTURE, PLANNING AND SURVEYING
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KAJIAN KLAUSA KEJELAMATAN DALAM PEMBINAAN

NAZRI BIN KHAIR JOHARI
2004110510

BACHELOR OF BUILDING SURVEYING (HONS)

OCTOBER 2008

PENGHARGAAN

Ahamdulillah syukur saya kehadiran ilahi kerana dengan limpah kurnian- Nya dapat saya menyiapkan serta menyempumakan laporan ini dengan sempurna sebagai memenuhi kehendak dan keperluan pihak jabatan untuk penganugerahan ijazah sarjana muda.

Dikesempatan ini ingin saya merakamkan setinggi- tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih saya kepada orang yang banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan cadangan serta juga sokongan kepada saya dalam menyiapkan dissertasi saya dengan sempurna, iatu selaku penyelia projek saya Professor Madya Haji Mohd.Fisol Zain.

Tidak juga kepada pihak- pihak yang terlibat kerana sudi memberikan maklumat dan kerjasam serta layanan yang baik kepada saya khususnya kepada EN. Muhammad Nazri B. Ramli dari Kas Juruukur Bahan Sdn. Bhd dan En. Osman dari JKR Batu Pahat. Tanpa bantuan dan maklumat daripada mereka adalah sukar bagi saya menyiapkan laporan ini. Dikesempatan ini juga ingin saya merakamkan terima kasih saya kepada penyelaras projek tahun akhir jabatan ukur bangunan iaitu en. Nadzari dan juga semua penyarah yang terlibat.

Akhir sekali terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada kedua ibu bapa iaitu En. Khair Johari B. Basri dan Pn. Hamidah Bte Atan serta keluarga dalam memberikan sokongan dan dorongan samaada tenaga mahupun wang ringgit. Kesabaran mereka amat saya hargai. Akhir sekali kepada semua rakan seperjuangan, terima kasih diatas dorongan. dan sokongan juga bagi segala- galanya. Semoga kita semua dianugerahkan dengan kejayaan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Insya- Allah...

NAZRI BIN KHAIR JOHARI (2004110510)

PERKARA

Penghargaan

Isi Kandungan

Senarai Carta, Jadual dan Graf

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Definisi Tajuk	2
1.3	Undang-Undang Binaan	4
1.4	Borang-Borang Perjanjian Standard	5
1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Skop Kajian	9
1.7	Metodologi Kajian	10
1.8	Ringkasan Laporan	13

BAB 2: LANJUTAN MASA

2.1	Pengenalan	14
2.2	Definisi Kelewatan Dan Lanjutan Masa	16
2.3	Punca Kelewatan Masa	18

2.4	Fasal 43 JKR 203/203A & Fasal 23.7 (Borang Kontrak Piawaian Pam)	22
2.5	Permohonan Lanjutan Masa	37
2.5.1	Kerugian Dan Perbelanjaan Secara Langsung	41
2.5.2	Prosedur Menuntut Amaun Kerugian/ Perbelanjaan (Dalam Borang Standard PAM dan JKR)	42
2.5.3	Penyediaan Dan Mengemukakan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa.	43
2.5.4	Pegawai-Pegawai Yang Diberi Kuasa Meluluskan Perakuan	46

BAB 3: KAJIAN KES PROJEK KERAJAAN (JKR)

3.1	Kajian Kes 1	48
3.1.1	Butir- Butir Projek	48
3.1.2	Butir- Butir Kontraktor	49
3.1.3	Sebab- Sebab Permohonan Lanjutan Masa	49
3.1.4	Analisis Kajian Kes 1	55
3.2	Kajian Kes 2	
3.2.1	Butir- Butir Projek	56
3.2.2	Butir- Butir Kontraktor	57
3.2.3	Sebab- Sebab Permohonan	57
3.2.5	Analisis Kajian Kes 2	59

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Industri binaan masa kini begitu berdaya saing serta memerlukan perancangan dan penggunaan sumber yang teliti bagi menjalankan sesuatu projek pembinaan. Perancangan yang baik dapat memastikan projek dapat disiapkan pada masa yang ditetapkan.

Ketetapan masa tarikh penyiapan kerja bagi sesuatu projek pembinaan mencerminkan kewibawaan sesebuah kontraktor. Dimana semua projek yang dicadangkan, pihak klien inginkan penyiapan kerja yang cepat atau mengikut masa yang munasabah dan dalam masa yang sama tidak mengabaikan faktor kualiti kerja serta mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Kebolehan untuk menyiapkan sesuatu projek binaan dalam masa dan mengikut belanjawan yang telah ditetapkan merupakan faktor utama meningkatkan keuntungan samada dipihak kontraktor mahupun pihak klien. Maka, perancangan pelaksanaan kerja adalah penting bagi mengelakkan kelambatan dan lanjutan masa.